

**Umno lebih bersedia hadapi pilihan raya, kata delegasi  
Malaysian Insider  
Disember 01, 2012  
Oleh Nomy Nozwir**

KUALA LUMPUR, 1 Dis — Umno dilihat lebih bersedia menghadapi pilihan raya berdasarkan ucapan penggulungan Presiden Datuk Seri Najib Razak, menurut delegasi.

Bekas perdana menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi berkata, semangat perwakilan dapat dirasai dalam perhimpunan kali ini.

"Lain daripada beberapa bulan yang lalu, saya lihat Umno kini lebih bersedia.

"Saya yakin Umno mampu mencapai lebih baik dari terdahulu," katanya selepas ditemui selepas perhimpunan tamat.

Abdullah juga berkata perbahasan kali ini lebih memberi fokus kepada anak muda, dan yakin golongan tersebut akan kembali mengundi Umno.

Sementara itu, Ketua Wanita Umno Datuk Seri Shahrizat Jalil memuji ucapan penggulungan Presiden dengan berkata ia tepat dan jelas, sambil mengatakan tentang kekuatan serta kelemahan yang perlu dibaiki oleh parti dalam menghadapi pilihan raya akan datang.

"Ucapan dari presiden sangat bertepatan dan jelas, dan yang paling penting untuk berkhidmat untuk rakyat," kata Shahrizat apabila ditemui pemberita.

Shahrizat juga berkata, walaupun mahu penambahan calon kaum wanita, tetapi lebih penting untuk memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN) dan Umno dalam pilihan raya.

"Sudah pasti kita mahukan lebih ramai calon wanita, tetapi yang paling penting ialah memenangi pilihan raya.

"Pasukan kami sangat berdisiplin, dan mempunyai kerjasama yang strategik dan sangat kuat dan selagi saya Ketua Wanita, saya pastikan perjuangan Wanita, akan memastikan kita sentiasa professional dan gunakan politik membina.

"Kita tidak akan menggunakan politik memusnah dan merosakkan seperti fitnah dan provokasi dari pembangkang, kita tidak akan gunakan cara itu kerana kita adalah ibu-ibu untuk anak-anak seluruh Malaysia.

"Kita akan jaga maruah kita, kerana kita kaum ibu, kita perlu membela bangsa, agama untuk kesejahteraan Malaysia," kata Shahrizat lagi.

Sementara itu, ahli majlis tertinggi, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, beliau menyokong transformasi Umno membawa politik intelektual dan pengetahuan.

"Ini adalah budaya politik baru dan saya yakin ahli Umno akan menerima budaya ini.

"Sebenarnya inilah yang dimahukan oleh golongan atas pagar yang berjumlah 30 peratus dari jumlah pengundi, golongan seperti dari peniaga, golongan kelas menengah dan golongan intelektual, orang muda, aktivis sivil.

"Mereka sudah penat dengan politik lama yang hentam menghentam, dan saya rasa Datuk Seri Najib sudah faham, cuma hari ini beliau mengumumkan akademi yang saya sokong penubuhannya," kata Saifuddin lagi.

Timbalan Pengerusi Tetap Umno, Datuk Mohamed Aziz pula berkata, perpaduan menjadi kunci kejayaan Umno.

"Apabila perpaduan menjadi kunci, kita akan berjaya, kita hanya menunggu sahaja waktu untuk pilihan raya nanti," kata Mohamed selepas ditemui selepas persidangan.

Perhimpunan kali ini disifatkan sebagai penting memandangkan ini adalah terakhir sebelum pilihan raya yang akan diadakan selewat-lewatnya April tahun depan.

Dalam pilihan raya lalu, BN memenangi 140 kerusi Parlimen dengan 79 kerusi dimenangi oleh Umno.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/umno-lebih-bersedia-hadapi-pilihan-raja-kata-delegasi/>